



**LAPOR.....**Profesor Dr. Jualang menandatangani dokumen laporan diri di Pejabat Pengarah UMSKAL di Aras 13, sambil diperhatikan Zamri, pada 5 Februari 2020.



**KENANGAN....** Profesor Dr. Jualang (enam kanan) dan Zamri (empat kiri) merakam kenangan bersama warga UMSKAL yang menyambut kehadiran beliau di ruang legar, Bangunan Menara UMSKAL pada 5 Februari 2020.

## Profesor Dr Jualang dilantik Pengarah UMSKAL baharu

NST 7.2.2020 4

LABUAN: Dekan Pusat Penataran, Ilmu dan Bahasa (PPIB) Universiti Malaysia Sabah, Profesor Dr. Jualang @Azlan Abdullah Gansau dilantik sebagai Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) yang baharu bagi tempoh tiga tahun bermula 1 Februari 2020 sehingga 31 Januari 2022.

Profesor Dr. Jualang yang memegang jawatan Dekan PPIB pada April 2016 sehingga Januari 2020 menggantikan Prof Dr Murnizam Haji Halik yang kembali bertugas di Fakulti Psikologi dan Pendidikan di UMS Kota Kinabalu.

Prof Dr Jualang, 49, yang berasal dari Kampung Salimandut, Kota Marudu, Sabah merupakan Pengarah UMSKAL yang keenam sejak Kampus Cawangan UMS itu ditubuhkan pada 1999.

Beliau mengucapkan terima kasih atas kepercayaan Naib Canselor UMS, Prof Datuk ChM. Dr Taufiq Yap Yun Hin pada masa yang sama beliau menjelaskan akan memberikan tumpuan terhadap kebajikan dan kesejahteraan mahasiswa di UMSKAL.

Beliau juga mahu mahasiswa menjaga sahsiah dan memberikan fokus terhadap pembelajaran mereka sekaligus meningkatkan kualiti akademik itu sendiri.

“Saya memerlukan komitmen dan kerjasama semua warga UMSKAL sama ada pegawai, pensyarah, kakitangan sokongan mahupun mahasiswa untuk meningkatkan kecemerlangan UMSKAL di peringkat nasional dan antarabangsa,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Sambutan Selamat Datang yang mengalu-alukan kehadiran dan pelantikan beliau sebagai Pengarah UMSKAL di ruang legar, Bangunan Menara UMSKAL pada 5 Februari 2020.

Ketibaan beliau disambut oleh Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah yang kemudiannya menerima tabik hormat daripada anggota pasukan Keselamatan UMSKAL.

Hadir sama menyambut beliau ialah Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), Prof Dr Abdullah Gani, Ketua-ketua sektor, pegawai, pensyarah dan kakitangan sokongan.

Sejurus tiba, Ketua Sektor Hal Ehwal Islam, Ustaz Khairul Isham memimpin bacaan doa.

Prof Dr Jualang tidak lupa merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Prof Dr Murnizam Haji Halik yang menyandang jawatan Pengarah UMSKAL selama enam tahun sejak Ogos 2014.

Selain itu, Prof Dr Jualang berkata pihak UMSKAL akan menjalinkan kerjasama pintar dengan jabatan dan agensi kerajaan termasuk Perbadanan Labuan yang merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang utama di Wilayah Persekutuan Labuan.

“Kita juga akan meningkatkan hubungan dengan sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) serta kepimpinan di Wilayah Persekutuan Labuan,” katanya. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN**